



25 JUL, 2021

## Durian murah licin dalam 2 jam

Kosmo Ahad, Malaysia

Page 1 of 2



ORANG ramai beratur seawal pukul 7 pagi bagi membeli durian murah kelolaan FAMA di Pasar Tani Hiliran di Kuala Terengganu semalam.

## Durian murah licin dalam 2 jam

**KUALA TERENGGANU** – Sebanyak 10 tan durian kampung yang dijual secara murah di Pasar Tani Hiliran di sini semalam licin dalam tempoh kurang dua jam.

Sebahagian pengunjung sanggup beratur panjang seawal pukul 7 pagi semata-mata untuk mendapatkan durian pada program kelolaan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Terengganu tersebut.

Pengarah FAMA Terengganu, Che Ghani Che Wan berkata, durian kampung yang dibawa khas dari Besut berkenaan dijual pada harga RM20 selongkok, manakala bagi pelanggan yang membeli tiga longkok sekali gus, harga istimewa RM50.

"Setiap longkok mengandungi tiga atau empat biji durian de-

ngan berat hampir lima kilogram. Kita juga menjual durian tersebut dengan harga RM4.50 sekilogram.

"Ia pendekatan serampang dua mata membolehkan orang ramai menikmati durian dengan harga berpatutan selain membantu pengusaha raja buah tempatan mengatasi lebihan pengeluaran pada masa ini," katanya ketika ditemui di Pasar Tani Hiliran di sini semalam.

Che Ghani berkata, durian dari kebun pengusaha Terengganu sudah mula luruh ketika ini sekali gus membantu menurunkan harga raja durian tersebut di pasaran negeri ini kepada harga antara RM4 hingga RM8 sekilogram.

Sementara itu, seorang pelanggan, Ramlah Muhammad, 65, berkata, dia dan suami sanggup

pergi Pasar Tani Hiliran yang terletak kira-kira 15 kilometer dari rumah mereka di Gong Badak, Kuala Nerus untuk membeli durian pada harga murah.

"Sebelum ini kurang mampu sebab harga durian yang dibawa dari Johor dan Pahang berharga lebih RM20 sekilogram. Malam tadi (semalam) tidur saya kurang lena, takut terlepas beli durian pagi ini."

"Hari ini saya terus beli 10 kilogram dengan harga RM4.50 sekilogram untuk dinikmati bersama keluarga," katanya.

Seorang lagi pelanggan, Nur Syadatul Balqis Sharifuddin, 20, berkata, tindakan FAMA itu membantu mereka yang terjejas pendapatan untuk turut menikmati durian.



25 JUL, 2021

## Durian murah licin dalam 2 jam

Kosmo Ahad, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

. ORANC ramai beratur seawal pukul 7 pagi bagi membeli durian murah kelolaan FAM A di Pasar Tani Hiliran di Kuala Terengganu semalam.

KUALA TERENGGANU - Sebanyak 10 t a n durian kampung yang dijual secara murah di Pasar Tani Hiliran di sini semalam licin dalam .tempoh kurang d u a jam.